



KENYATAAN MEDIA
ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

Islamic Relief gesa gencatan senjata berpanjangan dan jaminan kedamaian diberikan kepada penduduk Gaza

BANGI – Islamic Relief menggesa Israel agar melaksanakan gencatan senjata berpanjangan bagi memberi jaminan kedamaian terhadap penduduk di Gaza, serta membuka semula pintu sempadan bagi memudahkan urusan keluar masuk barangan dan individu ke wilayah itu.

Sekurang-kurangnya 46 warga Palestin, termasuk enam kanak-kanak maut sejak petang Jumaat lalu, manakala 360 lagi dilaporkan cedera melibatkan ramai kanak-kanak.

Israel dalam kenyataannya berkata, pihaknya merancang untuk meningkatkan lagi operasi ketenteraan pada minggu seterusnya.

Islamic Relief memberi amaran bahawa serangan yang akan dilancarkan selepas ini pasti meragut lebih banyak nyawa orang awam.

Pasukan bersenjata Palestin juga telah meningkatkan serangan tembakan roket terhadap Israel selepas pengeboman berlaku dan mengakibatkan tujuh warga Israel cedera.

Islamic Relief mengecam sekeras-kerasnya sebarang tindakan keganasan terhadap orang awam.

“Kami telah menyaksikan kanak-kanak terbunuh, manakala rumah rosak teruk dalam tempoh 24 jam yang lalu. Ketika ini, penduduk Gaza sedang dalam ketakutan memikirkan apa yang bakal terjadi pada hari-hari seterusnya. Apa yang kami ketahui berdasarkan kejadian pada tahun-tahun sebelum ini, apabila siri pengeboman meningkat, ramai orang awam akan terbunuh, cedera, serta dipaksa keluar dari rumah mereka. Tahun lalu, lebih satu perempat daripada mangsa yang terkorban dalam serangan pengeboman yang dilancarkan merupakan kanak-kanak. Ribuan rumah, hospital, sekolah dan pusat kesihatan turut musnah serta mengalami kerosakan.

“Selain pengeboman, dalam tempoh beberapa hari kebelakangan ini, Israel telah menutup dua laluan masuk dan keluar dari Gaza lantas mengakibatkan penghantaran bahan api terhenti, sedangkan hospital, sistem air dan bekalan elektrik sangat memerlukannya untuk kekal beroperasi. Kini, kami mengalami gangguan bekalan elektrik selama 20 jam sehari dan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Jabatan Komunikasi Strategik** di talian 03-8926 3434 atau

emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my

kemudahan awam utama yang lain turut berdepan risiko untuk ditutup ekoran kehabisan bekalan penjanaan elektrik.

“Berikutan itu, masyarakat antarabangsa perlu memberi tekanan bagi mendesak Israel agar segera menghentikan pengeboman dan membuka semula pintu sempadan di Gaza,” kata Muneeb Abu Ghazaleh, Pengarah Negara Islamic Relief Palestin.

Islamic Relief turut menyeru agar Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa dihormati, termasuk prinsip-prinsip dalam kewujudan perbezaan, langkah berjaga-jaga dan pertimbangan mengikut kadar. Individu dan infrastruktur awam tidak boleh menjadi sasaran, manakala tindakan kekerasan yang berlebihan tidak boleh digunakan.

Peningkatan serangan terbaru ini berlaku setelah lebih 14 bulan gencatan senjata dilaksanakan pada Mei 2021 antara Israel dan Hamas berikutan pengeboman selama 11 hari yang telah mengakibatkan sekurang-kurangnya 230 rakyat Palestin terkorban, termasuk 65 kanak-kanak, manakala lebih 1,700 orang lagi cedera. Insiden itu turut menyebabkan sepuluh warga Israel terbunuh.

Turut dilaporkan, lebih 14,000 kediaman penduduk Palestin mengalami kerosakan dan musnah. Gencatan senjata telah memberi ketenangan sementara, namun punca krisis dan masalah ketidakadilan yang dibuat Israel dalam menjarah kawasan masih berterusan. Islamic Relief menyeru agar Israel menamatkan perebutan dan sekatan yang dilakukan ke atas Gaza bagi menyelesaikan masalah yang sudah lama menjadi akar umbi dalam undang-undang dan keadilan antarabangsa ini.

Keadaan di Gaza amat mengerikan. Sekatan Israel yang berlarutan sepanjang 15 tahun ini telah memisahkan penduduk Gaza daripada warga Palestin lain dan dunia luar keseluruhannya. Sekatan pergerakan orang dan barangan yang sangat ketat telah menghalang individu untuk bertemu ahli keluarga masing-masing serta melumpuhkan sektor perkhidmatan penting dan menjatuhkan pasaran ekonomi di wilayah itu.

Dahulu, sumber ekonomi di Gaza rancak dan berkembang baik. Kini, segalanya berubah. Kira-kira 80 peratus penduduknya terpaksa bergantung hidup dengan bantuan kemanusiaan dan ramai kanak-kanak tidur dalam kelaparan pada waktu malam. Gaza juga mencatatkan kadar pengangguran belia antara yang tertinggi di dunia.

Islamic Relief sudah beroperasi menyelamatkan nyawa di Gaza sejak tahun 1997 melalui pelbagai sektor bantuan antaranya kecemasan, kesihatan, makanan, pendidikan dan lain-lain.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyumbang menerusi kempen Pembangunan Rayuan Palestin. Layari laman sesawang www.islamic-relief.org.my atau hubungi 03-8926 3434 untuk maklumat lanjut.

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, makanan, kesihatan, pendidikan, pembangunan komuniti serta air, sanitasi dan kebersihan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Jabatan Komunikasi Strategik** di talian 03-8926 3434 atau

emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my

Mengenai Islamic Relief Malaysia

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Fikir KEMANUSIAAN, Fikir ISLAMIC RELIEF!

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,
Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia

- Tamat-
